

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JULAI 2024
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22

Fokus sektor bernilai tinggi



Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Putrajaya

Malaysia mempunyai kelebihan dan berpotensi menjadi Harimau Asia daripada segi ekonomi dalam kalangan negara serantau dengan memfokus kepada sektor bernilai tinggi.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, potensi Malaysia untuk mencapainya memang ada dan disebabkan itu juga, masyarakat antarabangsa sekarang memberi tumpuan kepada Malaysia untuk melihat sama ada negara boleh menggunakan kelebihan ini untuk berada di hadapan.

"Bagaimanapun, ini bukan soal menjadikan 'Harimau Asia' atau tidak kerana ia bukan diukur daripada jumlah keluaran dalam negera kasar (KDNK) semata-mata, tetapi termasuk kompleksiti ekonomi, eksport dan sebagainya.

"Ketersediaan Malaysia dalam sektor ekonomi masa akan datang daripada segi kemampunan, pertumbuhan pusat data dan potensi kita meluaskan industri mikrocip melangkaui aktiviti sedia ada serta mengukuhkan pusat data perlu dilaksanakan berlandaskan kepada ekonomi masa ini.

"Potensi Malaysia ini memang ada dan disebabkan

RAFIIZI (tengah) menerima buku Banci Ekonomi 2023 daripada Mohd Uzir sambil disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron (kiri) pada Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi 2023, semalam.

MALAYSIA BERPOTENSI JADI HARIMAU ASIA

FOKUS SEKTOR BERNILAI TINGGI

itu juga masyarakat antarabangsa memberi tumpuan kepada Malaysia sekarang untuk melihat sama ada kita boleh menggunakan kelebihan ini untuk berada di hadapan.

"Jika KDNK terus berembang sekitar empat kepada lima peratus setiap tahun dan mata wang ringgit mengukuh sekitar RM4.20 setiap dolar (Amerika Syarikat) beberapa tahun akan

datang, tidak mustahil Malaysia mampu menjadi negara maju dan mencapai status negara berpendapatan tinggi dari 2027 ke atas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Penemuan Banci Ekonomi (Be 2023, semalam.

Hadir sama, Ketua Perangkawatan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Potensi Malaysia ini memang ada dan disebabkan itu juga, masyarakat antarabangsa memberi tumpuan kepada Malaysia sekarang"

Rafizi

Sementara itu, mengulas mengenai laporan Banci Ekonomi 2023, Mohd Uzir berkata, Banci Ekonomi 2023 menunjukkan terdapat 1.09 juta pertubuhan yang beroperasi pada 2022, dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.5 peratus berbanding banci terdahulu yang dijalankan pada 2016 bagi tahun rujukan 2015 (920,630 pertubuhan).

Katanya, sejumlah 951,862 pertubuhan atau 87.2 peratus tertumpu dalam sektor perkhidmatan, diikuti dengan sektor pembinaan (71,062 pertubuhan; 6.5 peratus) dan sektor pembuatan (54,505 pertubuhan; 5.0 peratus).

Selain itu, sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian keduanya menyumbang selebihnya, masing-masing dengan 12,998 pertubuhan.

Beliau berkata, Banci Ekonomi 2023 juga mendakwa beberapa penemuan penting menunjukkan peralihan ekonomi dinamik dalam tujuh tahun.